



**MODUL PINTAS
TINGKATAN 5
BAHASA MELAYU
Kertas 2**

1103/2

$2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

**PERATURAN PEMARKAHAN
BAHASA MELAYU K2**

1103/2

MARKAH PENUH
BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

Markah penuh 35 markah dan dibahagi kepada

Soalan 1 : 6 markah
Soalan 2 : 6 markah
Soalan 3 : 11 markah
Soalan 4 : 6 markah
Soalan 5 : 6 markah

Perhatian bagi Soalan 1

1. Berikan 1 markah bagi setiap perkataan yang disenaraikan dengan betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
3. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
4. Frasa yang berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
5. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
6. Sengaja menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
10. Idea tidak jelas, berikan 0 markah.

Soalan 1 - Morfologi

Kata penguat

| Bil. | Jawapan contoh | Penjelasan |
|------|----------------|-----------------------------|
| i. | <i>amat</i> | <i>Kata penguat bebas</i> |
| ii. | <i>sangat</i> | <i>Kata penguat bebas</i> |
| iii | <i>semakin</i> | <i>Kata penguat hadapan</i> |

Kata bantu

| Bil. | Jawapan contoh | Maksud / makna kata |
|------|----------------|-------------------------|
| i. | <i>Perlu</i> | <i>Kata bantu ragam</i> |
| ii. | <i>Masih</i> | <i>Kata bantu ragam</i> |
| iii | <i>boleh</i> | <i>Kata bantu ragam</i> |
| iv | <i>harus</i> | <i>Kata bantu ragam</i> |
| v | <i>dapat</i> | <i>Kata bantu ragam</i> |

Kata bilangan

| Bil. | Jawapan contoh | Penjelasan |
|------|-------------------|--------------------------------|
| i. | <i>kebanyakan</i> | <i>Kata bilangan tak tentu</i> |
| ii. | <i>para</i> | <i>Kata bilangan tak tentu</i> |
| iii | <i>satu</i> | <i>Kata bilangan tentu</i> |

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 2 : Sintaksis

| Bil | Ayat Susunan Biasa | Ayat Susunan Songsang |
|------|---|--|
| i. | <i>Kes pertama yang dilaporkan pada Disember 2019 di Wuhan, China.</i> | <ul style="list-style-type: none"> i. Pada Disember 2019 di Wuhan, China kes pertama dilaporkan ii. Di Wuhan, China kes pertama yang dilaporkan pada Disember 2019 iii. Pada Disember 2019 kes pertama yang dilaporkan di Wuhan China |
| ii. | <i>Warga emas, kanak-kanak dan penghidap penyakit kritikal seperti masalah jantung, diabetes, masalah pernafasan yang kronik berisiko tinggi untuk terkena jangkitan.</i> | Berisiko tinggi untuk terkena jangkitan warga emas, kanak-kanak dan penghidap penyakit kritikal seperti masalah jantung, diabetes, masalah pernafasan yang kronik |
| iii. | <i>Covid-19 berjangkit melalui transmisi zarah pernafasan manusia dan sentuhan.</i> | Berjangkit melalui transmisi zarah pernafasan manusia dan sentuhan Covid-19. |

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 3 : Penyuntingan

Bahan 1

| Bil | Kesalahan bahasa | Pembetulan |
|------|------------------|------------|
| i. | kreteria | kriteria |
| ii. | di antara | antara |
| iii. | ibubapa | ibu bapa |
| iv. | minima | minimum |
| v. | penderma | pendermaan |

Pertama kali → kali pertama (D-M)

menyusukan anak ✓ (meh...kan) benefit

[Maksimum : 5 markah]

Bahan 2

| Bil | Kesalahan bahasa | Pembetulan |
|------|-------------------|--------------------|
| i. | professional | profesional |
| ii. | melayakan | melayakkan |
| iii. | seperti contohnya | seperti/ contohnya |
| iv. | disahkan | diiktiraf |
| v. | di bahagikan | dibahagikan |
| vi. | kepada | pada |

[Maksimum : 6 markah]

Panduan pemarkahan menukar bahasa Melayu Klasik kepada bahasa Melayu Standard bagi soalan 4.

| Deskripsi | MARKAH |
|--|--------|
| Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis | 5 - 6 |
| Isi cukup dan lengkap, mengikut urutan dan ayat masih gramatis | 4 |
| Isi cukup dan lengkap, ayat mengikut urutan dan ayat kurang gramatis | 3 |
| Isi tidak cukup, mengikut urutan dan ayat gramatis | 2 |
| Isi tidak cukup, mengikut urutan dan kurang gramatis | 1 |
| Ayat disalin bulat-bulat | 0 |
| Isi tidak mengikut urutan | 0 |

Soalan 4 – Bahasa Melayu Standard

Lalu, berkenan Sultan Muzaffar Syah mendengar kata Tun Perak itu. Di dalam hati baginda, “Tun Perak ini tidak sepatutnya menjadi bentara lagi, sepatutnya menjadi Perdana Menteri.”

Tun Perak digelar oleh baginda Paduka Raja, diminta duduk di seri balai sama kedudukannya/ setara dengan Seri Nara Diraja. Lalu Paduka Raja pun naik dan duduk di sebelah Seri Nara Diraja di seri balai, lalu Seri Nara Diraja bergerak sedikit/berkisar ke tengah.

[Maksimum : 6 markah]

Soalan 5 – Peribahasa

Senaraikan tiga peribahasa berdasarkan situasi

| Bil. | Peribahasa |
|------|---|
| i | malang tidak berbau |
| ii. | aur dengan tebing |
| iii. | sudah terhantuk baru tengadah/ nasi menjadi bubur/ sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna |

[Maksimum : 6 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

Markah penuh **35 markah** dibahagikan kepada:

Soalan 6 : **13 markah**

Soalan 7 : **12 markah**

Soalan 8 : **10 markah**

Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8 hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

1. Soalan 2 markah: Pemahaman berdasarkan teks

| DESKRIPSI | MARKAH |
|--|--------|
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis | 2 |
| - Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis | 1 |
| - Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup | |
| - Jawapan salah | 0 |

2. Soalan 3 markah: Pemahaman berdasarkan teks dan unsur KBAT

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|--------|
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis | 3 |
| - Isi cukup / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup/ menyentuh semua bahan / ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup / tidak menyentuh semua bahan | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

3. Soalan 4 markah: Pemahaman unsur KBAT dan novel

| DESKRIPSI | MARKAH |
|---|--------|
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis | 4 |
| - Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis | 3 |
| - Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis | 2 |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis | |
| - Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis | 1 |
| - Jawapan salah | 0 |

Soalan 6 - Pemahaman Petikan Umum

- (i) Maksud rangkai kata *mengurangkan paras*
- | | |
|--|----|
| P1 Menyusutkan/mengawal/merendahkan/menurunkan/had/takat | 2m |
| P2 Mengurangkan/had/takat | 1m |
| P3 Menyusutkan/mengawal/merendahkan/menurunkan/paras | 1m |
- [Maksimum: 2 markah]**
[Isi cukup 2 isi]
- (ii) Kepentingan kedua-dua tumbuhan:
- Bahan 1: Pokok betik**
- | | |
|--|----|
| P1 merawat masalah buasir | 1m |
| P2 mengawal masalah tekanan darah tinggi | 1m |
| P3 merawat asma | 1m |
| P4 melegakan sakit kepala | 1m |
| P5 meredakan demam panas | 1m |
| P6 merawat kecacingan | 1m |
| P7 merawat penyakit kulit | 1m |
| P8 mengurangkan sakit gastrik | 1m |
| P9 bahan mandian wanita selepas bersalin | 1m |
- Bahan 2: Pokok kerdas**
- | | |
|--|----|
| P1 dijadikan sebagai kayu api | 1m |
| P2 dijadikan papan lantai rumah dan bot | 1m |
| P3 mampu merawat peringkat awal sakit jantung | 1m |
| P4 mengurangkan paras glukosa di dalam darah bagi penyakit kencing manis | 1m |
- [Maksimum: 3 markah]**
[Isi cukup 2 isi]
- (iii) Peranan yang boleh diambil oleh semua pihak bagi mempopularkan penggunaan ubat-ubatan berdasarkan herba:
- | | |
|---|----|
| P1 Penyelidikan dalam bidang perubatan berdasarkan herba perlu dipesatkan | 1m |
| P2 Kajian herba perlu dilakukan oleh ahli farmakologi dan ahli botani/pakar dalam herba | 1m |
| P3 Perkongsian maklumat tentang ubat-ubatan berdasarkan herba di media sosial | 1m |
| P4 Penyerapan/penggunaan teknologi moden dalam penghasilan ubat berdasarkan herba | 1m |
| P5 Penghasilan ubat-ubatan berdasarkan herba perlu dipelbagaikan iaitu berbentuk cecair, kapsul dan pil | 1m |
| P6 Pengamalan sejak kecil | 1m |
- Terima mana-mana jawapan yang sesuai*
- [Maksimum: 4 markah]**
[Isi cukup 3 isi]
- (iv) Langkah-langkah yang boleh saya ambil untuk meyakinkan rakan saya tentang perubatan moden.
- | | |
|---|----|
| P1 Menerangkan kelebihan perubatan moden kepada rakan saya | 1m |
| P2 Menunjukkan bukti kejayaan perubatan moden | 1m |
| P3 Meminta bantuan orang yang lebih berpengalaman/ibu bapa/guru/doktor untuk meyakinkan rakan | 1m |
| P4 Memberikannya risalah tentang perubatan moden | 1m |
| P5 Menemani rakan saya untuk mendapatkan rawatan di klinik atau hospital | 1m |
- Terima mana-mana jawapan yang sesuai*
- [Maksimum: 4 markah]**
[Isi cukup 3 isi]

Soalan 7 – Pemahaman Petikan Sastera

- (i) Maksud rangkai kata *minda kacau*

- P1 Fikiran/serabut/berkecamuk/rusuh
P2 Minda/serabut/berkecamuk/rusuh
P3 Fikiran/kacau

2m
1m
1m
1m

[Maksimum: 2 markah]
[Isi cukup 2 isi]

- (ii) Kesan pengabaian kesihatan:

Bahan 1

- P1 Demam panas
P2 Hilang selera makan
P3 Loya dan muntah-muntah
P4 Mata berubah kekuningan
P5 Menghidap leptospirosis
P6 Terbatuk-batuk
P7 Tekak terasa perit ketika menelan air liur

1m
1m
1m
1m
1m
1m
1m

Bahan 2

- P1 Mata sakit
P2 Minda kacau
P3 Lalat membiak
P4 Penyakit bahaya semakin banyak

1m
1m
1m
1m

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup 2 isi]

- (iii) Punca-punca pengabaian kebersihan diri dan persekitaran oleh masyarakat:

- P1 Sikap diri yang tidak prihatin akan kebersihan
P2 Tiada/kurang didikan tentang aspek kebersihan semasa kecil
P3 Kurangnya perkongsian info tentang amalan kebersihan di media massa
P4 Amalan gotong royong kurang mendapat sambutan
P5 Budaya hidup yang tidak cakna akan orang lain/mementingkan diri
P6 Kesibukan dan kekangan masa

1m
1m
1m
1m
1m
1m

Terima mana-mana jawapan yang sesuai

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup 3 isi]

- (iv) Langkah-langkah yang boleh saya ambil untuk memastikan tabiat rakan saya yang suka membuang sampah merata-rata di dalam kelas tidak berterusan:

- P1 Menasihati rakan secara baik
P2 Berkongsi info-info tentang amalan kebersihan
P3 Mengajak rakan saya ke pameran yang berkait dengan amalan kebersihan
P4 Meminta pertolongan daripada orang yang dihormatinya untuk menasihati rakan saya

1m
1m
1m
1m

Terima mana-mana jawapan yang sesuai

[Maksimum: 3 markah]
[Isi cukup 2 isi]

Soalan 8 (i) : Alasan-alasan

- P1 Kereta yang berenjin petrol dan bermotor elektrik itu mengurangkan kebergantungan terhadap minyak petrol. 1M
P2 Enjin yang bersaiz kecil mengurangkan kehilangan tenaga dalaman. 1M
P3 mengurangkan berat keseluruhan kereta. 1M
P4 Bentuk kereta yang aerodinamik juga mengurangkan beban enjin dan hasilnya ialah penjimatan tenaga. 1M

[Maksimum: 4 markah]
[Isi cukup : 3 isi]

Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (ii) Jawapan soalan novel
(a) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
(b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
(c) Beri 1 markah bagi setiap **isi** yang betul.
(d) Beri 1 markah bagi peristiwa/ huraian/ contoh yang lengkap/ jelas bagi setiap isi.
(e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi dan peristiwa/ huraian/contoh).
(f) Markah huraian **tidak** akan diberikan sekiranya peristiwa yang dinyatakan tidak tepat atau salah.
(g) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberikan secara kesan menyeluruh:
 Baik : 2 markah
 Lemah : 1 markah
(h) Jika calon menjawab dan markah isi kosong, beri 1 markah untuk markah bahasa.
(i) Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum: 6 markah]

**Soalan 8 (ii) : peristiwa yang memberikan teladan
Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa**

1. Peristiwa: Leftenan Adnan bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada ditawan oleh tentera Jepun. Walaupun kakinya telah tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun, Leftenan Adnan tidak menyerah kalah sehingga titisan darah yang terakhir.
Huraian: Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana daripada peristiwa itu telah menimbulkan semangat patriotik dalam diri saya untuk terus menjaga kedaulatan dan keamanan negara daripada diceroboh oleh musuh negara.
2. Peristiwa: Pak Saidi menghantar Adnan ke sekolah Inggeris walaupun mendapat tentangan daripada penduduk kampung.
supaya
Huraian : Peristiwa ini boleh dijadikan teladan ~~kerana~~ kita ~~hendaklah~~ menuntut ilmu demi masa depan walaupun terpaksa menghadapi pelbagai cabaran.
3. Peristiwa: Leftenan Adnan menolak permintaan pihak Jepun supaya menyerah kalah juga merupakan sebuah teladan. Jepun telah menghantar wakil untuk meminta Leftenan Adnan dan anak-anak buahnya menyerah kalah namun permintaan itu ditolak mentah-mentah oleh Leftenan Adnan.
afar
Huraian: Peristiwa ini menunjukkan teladan ~~bahawa~~ kita ~~mesti~~ berpendirian teguh dengan keputusan kita supaya kita dapat mencapai kejayaan ataupun menjadi seorang yang hebat.
4. Peristiwa: Penghulu Deraman bersama-sama anak buahnya yang terdiri daripada pengawal kampung datang bertemu dengan Leftenan Adnan. Tujuan mereka untuk menyatakan persediaan mereka bertempur membantu pasukan Askar Melayu menentang Tentera Jepun. Penduduk kampung sangat prihatin bahawa Rejimen Askar Melayu kekurangan anggota dan sanggup menawarkan khidmat mereka demi mencapai kemenangan melawan tentera Jepun.
Huraian: Hal ini menunjukkan bahawa semangat patriotik dalam kalangan orang Melayu dalam menentang musuh dapat diteladani oleh generasi pada masa ini.
5. Peristiwa: Berpuluh-puluh askar Jepun sampai ke kampung Sungai Ramal, Kajang. Mereka mencari keluarga Leftenan Adnan. Penduduk kampung telah berpakaat untuk tidak bekerjasama dengan tentera Jepun. Mereka menyembunyikan keluarga Leftenan Adnan. Hal ini menunjukkan bahawa keberanian Leftenan Adnan menjadi pencetus semangat anak-anak muda bagi menentang tentera Jepun. Ramai yang menyertai pasukan pembebasan rakyat bagi menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.
Huraian: Semangat dan keberanian Leftenan bukan sahaja menjadi teladan kepada penduduk kampung pada masa itu malah generasi kini juga ~~perlu~~ *akan* mempunyai rasa sanggup berkurban demi negara.

(Cadangan peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**[Maksimum 6 markah]
[Isi cukup : 2 isi]**

Novel Tirani peristiwa yang memberikan teladan

1. Peristiwa: Waheeda yang mengalami masalah kemurungan akibat kegagalan rumah tangga dan telah mula bangkit serta berusaha melupakan kenangan lalu dengan memajukan Chalet Aya Sajinah.

Huraian: Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kerana walaupun kita gagal namun kita tidak boleh terlalu mengikut perasaan sedih itu sebaliknya berusaha untuk kehidupan yang mempunyai masa depan.

2. Peristiwa: Waheeda gigih mendapatkan pinjaman tabung usahawan siswazah daripada Bank Pembangunan untuk menubuhkan Syarikat Tajau Emas.

Huraian: Setiap usaha yang dilakukan oleh Waheeda dapat dijadikan contoh teladan kepada kita agar gigih berusaha untuk mendapatkan sesuatu yang kita inginkan dan akhirnya kita pasti akan berjaya.

3. Peristiwa: kehidupan Waheeda selepas diceraikan oleh suaminya, Zahid. Zahid yang panas baran dan kaki cemburu telah menceraikan Waheeda dengan talak satu selepas mensyaki Waheeda bersikap curang terhadapnya. Waheeda telah mengalami masalah kemurungan dan migrain meroyan kerana diceraikan oleh Zahid selepas kelahiran anak sulung mereka. Walau bagaimanapun, Waheeda berjaya membangunkan chalet yang baru dibelinya di Cameron Highlands dan membesarakan anak perempuannya, Izzati sehingga dia berjaya melanjutkan pelajarannya di universiti selepas penyakitnya sembuh.

Huraian: Peristiwa ini memberikan teladan kepada pembaca supaya kehidupan harus diteruskan walaupun menghadapi pelbagai rintangan. Untuk menghadapi rintangan hidup, kita perlulah bersikap tabah dan gigih supaya impian hidup dapat dicapai.

(Cadangan peristiwa lain boleh diterima sekiranya sesuai)

**[Maksimum 6 markah]
[Isi cukup : 2 isi]**

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 markah]

Soalan 9

Markah penuh 30 dibahagi kepada

- (a) Isi – 20 markah
- (b) Bahasa – 10 markah

(a) Isi [20 markah]

- (i) Panduan mengira perkataan
 - Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
 - Nama khas
 - Perkataan berganda
 - Perkataan kata sendi ke dan di
 - Tarikh
 - Angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
 - Gelaran
 - Penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

| Bahagian | Bilangan Isi | Bilangan Isi Diterima | | | | | | Markah Maksimum |
|-------------------------------|----------------------|--------------------------|---|---|---|---|-----------|--------------------|
| (i) Pendahuluan | | | | | | | 2 | |
| (ii) Isi Bahan 1 | | | | | | | | |
| Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara) | 4 | 4 | 3 | 3 | 2 | 2 | 1 | |
| Fokus 2 (Punca/Cabar) | 3 | 1 | 2 | 1 | 3 | 2 | 3 | |
| (iii) Isi Bahan 2 | | | | | | | | |
| Fokus 1 (Langkah/Usaha/Cara) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 16 |
| Fokus 2 (Punca/Cabar) | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | 1 | |
| (iv) Isi Bahan 3 | | | | | | | | |
| Fokus 1 (Langkah) | 2 | 1 | 1 | 2 | 1 | 2 | 2 | |
| Jumlah Isi | 11 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 8 | 2 |
| (v) Penutup/Kesimpulan | | | | | | | | |
| | Jumlah Markah | | | | | | 20 | |

(b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

| PERINGKAT | MARKAH BAHASA | KRITERIA |
|------------------|----------------------|--|
| Cemerlang | 8 – 10 markah | <ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>sangat</i> baik • Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata luas dan tepat • Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan |
| Baik | 5 – 7 markah | <ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat baik • Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan |
| Sederhana | 3 – 4 markah | <ul style="list-style-type: none"> • Kesinambungan ayat <i>kurang</i> baik • Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan Rumi baharu • Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat • Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan |
| Lemah | 1 – 2 markah | <ul style="list-style-type: none"> • Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami. |

Nota:

- Jika menjawab dalam bentuk poin/fakta markah bahasa ialah pada peringkat lemah.
- Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa. (rujuk jadual)
- Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[Maksimum : 10 markah]

Soalan 9

Pendahuluan

| | Markah |
|--|--------|
| P1 Rumusan membincangkan cara/ langkah/ usaha ibu bapa mendidik anak-anak yang cemerlang dan ciri-ciri/ kriteria anak yang cemerlang | 2 |
| P2 Rumusan membincangkan cara/ langkah/ usaha ibu bapa mendidik anak-anak yang cemerlang | 1 |
| P3 Rumusan membincangkan ciri-ciri/ kriteria anak yang cemerlang | 1 |
| P4 Rumusan membincangkan anak-anak yang cemerlang | 0 |

Bahan 1 Fokus 1 : cara/ langkah/ usaha

- 1 reda dan bersyukur dengan segala yang Tuhan berikan 2
- 2 usah membandingkan kejayaan anak-anak lain yang lebih cemerlang 2
- 3 bantu dan pandulah mereka untuk membina masa hadapan dengan lebih positif 2

Bahan 1 Fokus 2 : kriteria

- 1 fokus ketika pengajaran guru di sekolah 2
- 2 mempunyai kekuatan akidah dan tahu menjaga diri sebaiknya 2
- 3 berupaya meningkatkan silaturahim sesama manusia 2
- 4 anak-anak perlu tidur dan rehat yang secukupnya 2
- 5 anak-anak berupaya mencari rezeki dan membina kekayaan

Bahan 2 Fokus 1 : cara/ langkah/ usaha

- 1 Membesarkan anak dengan penuh kasih sayang/ kemesraan 2
- 2 Mendidik/mengukuhkan sopan santun dalam diri anak-anak 2
- 3 Menangani/ mendidik anak-anak dengan sepenuh perhatian/ sepenuhnya 2

Kesimpulan

- K1 Kesimpulannya, ibu bapa merupakan insan yang bertanggungjawab mendidik anak-anak yang cemerlang agar dapat melahirkan pelapis kepimpinan negara yang hebat. 2
- K2 Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama dalam melahirkan remaja yang cemerlang agar dapat melahirkan pelapis kepimpinan negara yang hebat. 2
- K3 Kesimpulannya, ibu bapa merupakan insan yang bertanggungjawab mendidik anak-anak yang cemerlang 1
- K4 Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama dalam melahirkan remaja yang cemerlang 1